

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[SETIU]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah kompleks sukan termasuklah Kompleks Sukan Komuniti yang terbengkalai di seluruh negara dan langkah terperinci bagi membangunkannya semula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS mempunyai 16 Kompleks Belia dan Sukan, 17 Kompleks Rakan Muda dan 16 Kompleks Sukan Komuniti. Kementerian Belia dan Sukan telah menaik taraf kompleks-kompleks sukan sedia ada di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) dan akan disambung di dalam Rancangan Malaysia Ke-Duabelas (RMK-12). Pada masa ini, tiada Kompleks Sukan milik KBS yang terbengkalai.

Sekian, terima kasih.